

SURUHANJAYA EKONOMI DAN SOSIAL BAGI ASIA DAN PASIFIK



Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
ESCAP

Dekad Orang Kurang Upaya Asia dan Pasifik,
2003-2012

Rangka Kerja Milenium Biwako
Untuk Tindakan: Ke Arah
Masyarakat Terangkum,
Tanpa Halangan dan
Berasaskan Hak Bagi Orang
Kurang Upaya Di Rantau Asia
Dan Pasifik

Satu sinopsis

**Rangka Kerja Milenium Biwako Untuk Tindakan:
Ke Arah Masyarakat Terangkum, Tanpa Halangan dan
Berasaskan Hak Bagi Orang Kurang Upaya Di Rantau
Asia dan Pasifik**

Tasik “Biwa” adalah tasik air tawar terbesar di Jepun yang terletak di Bandaraya Otsu. Di Bandaraya ini telah diadakan Mesyuarat Antara Kerajaan Peringkat Tertinggi bagi Memuktamadkan Dekad bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik. Dari situ nama Rangka Kerja Milenium “Biwako” diperolehi (“ko” bermaksud tasik) Perkataan ‘Milenium’ menunjukkan bahawa Rangka Kerja ini digunakan pada permulaan milenium baru dan juga ia disusun untuk mengukuhkan Matlamat dan Sasaran Pembangunan Milenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. “Masyarakat Terangkum, Tanpa Halangan dan Berasaskan Hak” mewakili prinsip asas rangka kerja ini. Masyarakat “terangkum” ialah masyarakat untuk semua dan masyarakat “tanpa halangan” merujuk masyarakat yang bebas daripada halangan institusi, fizikal dan sikap, serta halangan sosial, ekonomi dan kebudayaan Masyarakat “berasaskan hak” bermaksud masyarakat yang bersandarkan hak asasi untuk semua individu. Dalam hal ini, orang kurang upaya dihargai dan diutamakan dalam semua keputusan yang melibatkan mereka.



Gambar depan:

Gambar depan memaparkan gambar alat Braille Sentuh. Braille Sentuh merupakan satu kaedah komunikasi yang unik dan berguna terutama untuk mereka yang pekak-buta. Kaedah komunikasi ini dicipta pada 1981 oleh Reiko Fukushima, ibu kepada Satoshi Fukushima, cendekiaan pekak-buta di Jepun. Apabila menggunakan Braille Sentuh. “penutur” dengan lembut mengetuk kawasan kuku “pendengar” seolah-olah dia mengetuk mesin taip Braille.

Pada bulan Mei 2002, ESCAP menerima resolusi. Memupuk masyarakat terangkum, tanpa halangan dan berasaskan hak bagi orang kurang upaya di rantau Asia dan Pasifik di abad kedua puluh satu.” Resolusi ini juga mengisytiharkan pelanjutan Dekad bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik 1993-2002 untuk satu dekad lagi, 2003-2012.

Pada bulan Oktober 2002, Kerajaan yang menyertai Mesyuarat Antara Kerajaan Pcingkat Tertinggi Bagi Memuktamadkan Dekad bagi Orang Kurang Upaya di Rantau, Asia dan Pasifik 1993-2002, menerima pakai Rangka Kerja Milenium Biwako untuk Tindakan (BMF): Ke Arah Masyarakat Terangkum, Tanpa Halangan dan Berasaskan Hak bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik,” sebagai garis panduan dasar serantau untuk dekad baru.

“Rangka Kerja Milenium Biwako menggariskan isu, pelan tindakan dan strategi ke arah masyarakat terangkum, tanpa halangan dan berasaskan hak bagi orang kurang upaya.

Untuk mencapai matlamat ini, rangka kerja tersebut mengenalpasti 7 bidang keutamaan untuk tindakan. Isu kritikal, sasaran dengan tempoh masa yang tertentu dan tindakan bagi setiap bidang keutamaan ditetapkan. Secara umumnya. 21 sasaran dan 17 strategi yang menyokong pencapaian semua sasaran tersebut dikenalpasti.

Dekad baru (2003-2012) akan memastikan berlakunya anjakan paradigma daripada pendekatan berasaskan kerja amal kepada pendekatan berasaskan hak untuk melindungi hak sivil, budaya, ekonomi, politik dan sosial orang kurang upaya.

Untuk melaksanakan sasaran dan strategi ini, perundingan bersama dan penglihatan masyarakat madani, antara lain, Pertubuhan Bantu Diri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan berkaitan adalah penting.

Bahagian berikutnya menghuraikan secara ringkas 7 bidang keutamaan bagi tindakan, sasaran, strategi, tempoh masa dan mekanisme sokongan pemantauan.

(1) Pertubuhan Bantu Diri orang kurang upaya dan Persatuan Ibu Bapa dan keluarga orang kurang upaya

Orang kurang upaya dan Pertubuhan Bantu Diri paling layak dan arif untuk bersuara bagi pihak mereka dan dapat menyumbang kepada penyelesaian isu berkaitan dengan mereka. 2 sasaran ditetapkan untuk membawa perubahan:

1) Menjelang 2004. Kerajaan agensi dana antarabangsa dan Pertubuhan bukan kerajaan hendaklah mewujudkan dasar untuk menyokong dan menubuhkan Pertubuhan Bantu Diri. Kerajaan hendaklah mengambil langkah untuk memastikan penubuhan Persatuan Ibu Bapa di peringkat setempat menjelang 2005 dan menyatukannya pada peringkat kebangsaan menjelang 2010.

2) Menjelang 2005, Kerajaan dan pertubuhan masyarakat madani hendaklah melibatkan Pertubuhan Bantu Diri sepenuhnya dalam proses membuat keputusan.

Tindakan bagi sasaran tersebut termasuk penyertaan orang kurang upaya dalam pengubalan dasar, perwakilan politik dan pembinaan keupayaan.

Pertubuhan Bantu Diri hendaklah melibatkan orang kurang upaya yang terpinggir seperti wanita dan gadis kurang upaya, orang kurang upaya intelektual dan orang kurang upaya kerana penyakit jiwa.

(2) Wanita kurang upaya

Wanita kurang upaya menghadapi rintangan berganda kerana status mereka sebagai seorang wanita, sebagai orang kurang upaya, dan berkemungkinan hidup dalam kemiskinan. 3 sasaran telah ditetapkan untuk menangani masalah ini:

- 3) Menjelang 2005, kerajaan hendaklah melaksanakan langkah anti-diskriminasi, untuk melindungi wanita kurang upaya.
- 4) Menjelang 2005, Pertubuhan Bantu Diri hendaklah menerima pakai dasar untuk menggalakkan perwakilan penuh wanita kurang upaya.
- 5) Menjelang 2005, wanita kurang upaya hendaklah dilibatkan dalam keanggotaan persatuan wanita peringkat kebangsaan.

3) Pengesanan awal, intervensi awal dan pendidikan

Kurang daripada 10 peratus kanak-kanak dan remaja kurang upaya mendapat kemudahan pendidikan berbanding kadar kemasukan yang melebihi 70 peratus bagi kanak-kanak dan remaja tidak kurang upaya di sekolah rendah di rantau Asia dan Pasifik. Peminggiran kanak-kanak dan remaja kurang upaya daripada pendidikan menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk membangun dari aspek personal, sosial dan vokasional. 4 sasaran ditetapkan bagi masalah ini

- 6) Kanak-kanak kurang upaya akan dijadikan sebahagian penting daripada penduduk yang disasarkan dalam Pembangunan Milenium (Millennium Development Goals: MDG) Sasaran 3 yang bertujuan untuk memastikan menjelang 2015, kanak-kanak di mana juga

mereka berada, sama ada lelaki atau perempuan, dapat menyempurnakan persekolahan peringkat rendah.

7) Menjelang 2010, sekurang-kurangnya 75 peratus kanak-kanak dan remaja kurang upaya dalam lingkungan usia persekolahan akan dapat menyempurnakan persekolahan peringkat rendah.

8) Menjelang 2012, semua bayi dan kanak-kanak (0-4 tahun) akan berpeluang mendapat dan menerima perkhidmatan intervensi awal berasaskan komuniti.

9) Kerajaan hendaklah memastikan pengesanan ketidakupayaan di kalangan kanak-kanak dilakukan dari peringkat awal usia.

Tindakan dalam bidang ini termasuklah mengadakan undang-undang sewajarnya ke arah pendidikan untuk semua dan pengumpulan data kebangsaan tentang kanak-kanak kurang upaya (0-16 tahun).

4) Latihan dan pekerjaan, termasuk bekerja sendiri

Kadar orang kurang upaya yang kurang pendidikan, tidak terlatih, tidak ada pekerjaan, tidak mempunyai pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan dan miskin masih jauh lebih tinggi berbanding dengan masyarakat umum. Mereka tidak dapat memasuki pasaran buruh dalam arus perdana, sebahagiannya disebabkan oleh penyisihan sosial, kekurangan kakitangan terlatih dan mahir serta kekurangan latihan untuk bekerja sendiri. 3 sasaran adalah seperti yang berikut:

10) Menjelang 2012, sekurang-kurangnya 30 peratus penandatangan (negara anggota) akan menerima pakai Konvensyen ILO 159 mengenai Pemulihan Vokasional dan Pekerjaan (Orang Kurang Upaya).

11) Menjelang 2012, sekurang- kurangnya 30 peratus daripada semua program latihan vokasional di Negara penandatanganan akan melibatkan orang kurang upaya.

12) Menjelang 2010, data yang tepat tentang kadar orang kurang upaya yang bekerja dan yang bekerja sendiri di wujudkan di semua negara.

5) Akses kepada persekitaran terbina dan pengangkutan awam

Kesukaran untuk menggunakan persekitaran terbina, termasuk sistem pengangkutan awam, merupakan halangan utama bagi orang kurang upaya. Masalah ini akan bertambah buruk apabila bilangan orang tua yang kurang upaya meningkat di rantau berkenaan. Pendekatan reka bentuk universal akan memanfaatkan semua orang dalam masyarakat, termasuk orang tua, wanita hamil dan ibu bapa yang mempunyai anak kecil. Manfaat ekonominya telah disahkan, namun inisiatif sebenar pada peringkat dasar masih di laksanakan. 3 sasaran ditetapkan untuk menambahbaik keadaan:

13) Kerajaan hendaklah menerima pakai dan menguatkuasakan piawai ketersampaian (aksesibiliti) bagi merancang kemudahan awam, prasarana dan pengangkutan, termasuk yang terdapat dalam konteks luar Bandar/ pertanian.

14) Sistem pengangkutan awam sedia ada dan semua sistem pengangkutan awam yang baru dan yang diubahsuai hendaklah menyediakan kemudahan untuk orang kurang upaya dengan secepat mungkin dan setakat setakat mana yang praktikal.

15) Semua agensi dana antarabangsa dan serantau bagi pembangunan prasarana hendaklah memasukan konsep reka bentuk universal dan terangkum dalam kriteria pemberian pinjaman/ geran.

6) Akses kepada maklumat dan komunikasi, termasuk teknologi maklumat, komunikasi dan alat sokong bantu

Dalam tempoh 10 tahun yang lalu berlaku banyak kemajuan dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT'). Kemajuan ini telah membuka banyak peluang untuk orang kurang upaya dalam perangkaian, perpaduan, pekerjaan dan kehidupan berdikari. Pada masa yang sama ia telah melebarkan jurang antara orang kurang upaya dengan orang bukan kurang upaya. Pengasingan digital termasuk kesukaran untuk mendapatkan prasarana ICT. Internet dan kemahiran ICT. Masalah ini serius di kawasan luar bandar. Persekitaran multimedia mewujudkan halangan bagi orang kurang upaya penglihatan. Lima sasaran ditetapkan untuk menambahbaik keadaan:

16) Menjelang 2005, orang kurang upaya hendaklah dapat menggunakan Internet dan perkhidmatan yang berkaitan kadar yang sama seperti orang lain di sesebuah negara di rantau berkenaan.

17) Menjelang 2004, pertubuhan antarabangsa hendaklah menggabungkan piawai ketersampaian bagi orang kurang upaya ke dalam piawai ICT antarabangsa masing-masing.

18) Menjelang 2005, kerajaan hendaklah menerima pakai garis panduan ketersampaian ICT bagi orang kurang upaya dalam dasar ICT kebangsaan masing-masing.

19) Kerajaan hendaklah membangun dan menyelaraskan Bahasa Isyarat dan Braille Jari (Bahasa Isyarat Sentuhan) yang piawai di setiap negara, serta menyebarkan dan mengajar

Bahasa Isyarat dan Braille Jari menerusi semua saluran, sama ada melalui penerbitan, CD-ROM dan sebagainya.

20) Kerajaan hendaklah mewujudkan sistem untuk melatih dan menangani masalah jurubahasa Bahasa Isyarat Jurutranskripsi Braille, jurubahasa Braille Jari dan pembaca, serta menggalakkan mereka bekerja secara produktif.

7) Pengurangan kemiskinan melalui program keselamatan sosial dan program sara hidup

Orang kurang upaya adalah paling miskin di kalangan orang miskin. Dianggarkan bahawa 160 juta orang kurang upaya (lebih daripada 40 peratus daripada jumlah keseluruhan) hidup dalam kemiskinan dan tidak mendapat manfaat daripada hak sosio ekonomi mereka. Kemiskinan dan kurang upaya adalah saling berkait kerana orang kurang upaya disisihkan dan segi sosial dan khidmat sosial yang sewajarnya tidak disediakan bagi mereka. Menurut Matlamat Pembangunan Milenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sasaran 1:

21) Kerajaan hendaklah mengurangkan separuh daripada bilangan orang kurang upaya yang berpendapatan kurang daripada satu dolar sehari dalam tempoh antara tahun 1990 hingga 2015. Kerajaan diseru supaya mengambil kira aspek ketidakupayaan dalam pengumpulan data dan analisis garis dasar MPG. Kerajaan juga diseru memperuntukkan

sejumlah tertentu dana pembangunan luar bandar/pengurangan kemiskinan kepada orang kurang upaya.

Pelan Tindakan Nasional (lima tahun) berkaitan ketidakupayaan

Strategi 1 menyeru Kerajaan merangka dan menerima pakai, menjelang 2004. Pelan Tindakan Nasional menyeluruh 5 tahun untuk melaksanakan sasaran dan strategi rangka kerja.

Memperkenalkan pendekatan berasaskan hak bagi isu ketidakupayaan

Strategi 2 menyeru Kerajaan supaya menyemak penerimaan dan pelaksanaan dasar tanpa diskriminasi. Strategi 3 memberikan perhatian kepada Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan sebagai agensi untuk melindungi hak orang kurang upaya. Strategi 4 menyeru Kerajaan supaya melibatkan orang kurang upaya secara aktif dalam sebarang pembentukan dasar menyeru Kerajaan meratifikasikan perjanjian teras hak asasi manusia antarabangsa. Strategi 6 menyeru Kerajaan menimbangkan sokongan kepada Jawatankuasa Ad Hoc Konvensyen Antarabangsa yang Komprehensif untuk Menggalak dan Melindung Hak dan Maruah Orang Kurang Upaya. Strategi 7 menyeru Kerajaan melibatkan orang kurang upaya dan pertubuhan mereka, dalam prosedur berkaitan dengan penyediaan draf dan penerimaan syor konvensyen hak asasi manusia tentang ketidakupayaan pada peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Statistik ketidakupayaan/takrif umum bagi kurang upaya untuk perancangan

Sistem pentakrifan dan pengkelasan mengenai ketidakupayaan adalah tidak seragam di rantau ini. Dua strategi ditetapkan untuk menyelesaikan masalah ini. Strategi 8 menyeru Kerajaan, menjelang 2005, membentuk sistem pengumpulan dan analisis data berkaitan dengan ketidakupayaan. Strategi 9 menyeru Kerajaan menerima pakai, menjelang 2005. Pentakrifan ketidakupayaan berdasarkan ‘‘Garis Panduan dan Prinsip Pembentukan Statistik Ketidakupayaan’’ penerbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Memperkuat pendekatan pembangunan komuniti terhadap pencegahan, pemulihan dan memperkasakan orang kurang upaya

Pendekatan berasaskan komuniti semakin luas digunakan, dan ia menggantikan program pemulihan institusi dan program pemulihan berpusat untuk meningkatkan taraf ekonomi, sosial dan hak asasi orang kurang upaya. Strategi 10 menyeru Kerajaan menggubal dasar kebangsaan untuk menggalakan pendekatan berasaskan komuniti dengan segera.

Kerjasama dan sokongan bagi tindakan: subrantau, serantau dan antara rantau

Tumpuan khas adalah untuk mengukuhkan kerjasama antara kerajaan di peringkat subrantau. Strategi 11 dan 12 mengesakan mekanisme subrantau diwujudkan menjelang 2004 untuk mencapai sasaran. Di peringkat serantau, strategi 13 menyeru Kerajaan, sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pertubuhan masyarakat madani dan sektor swasta bekerjasama, menyokong dan menggunakan kesempatan daripada kemudahan latihan dan komunikasi Pusat Pembangunan Asia-Pasifik tentang ketidakupayaan. Pusat ini dibuka pada 2004 di Bangkok, sebagai peringatan Dekad bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik dan berupaya menjadi salah satu daripada titik tumpuan (focal point) utama yang penting di rantau ini. Strategi 14 dan 15 menyeru kerajaan, pertubuhan masyarakat madani dan sektor swasta membentuk membentuk jaringan pusat kecemerlangan dalam bidang tumpuan untuk memaksimumkan kerjasama dan permuafakatan. ESCAP dan agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang lain hendaklah membantu dalam pembentukan jaringan pusat kecemerlangan ini. Strategi 16 menghendaki perjanjian yang sesuai dimeterai mengenai perdagangan, pemindahan teknologi dan pembangunan sumber manusia untuk perkongsian sumber dengan cepat dan cekap. Strategi 17 menyarankan supaya rantau Asia dan Pasifik, rantau Afrika dan rantau Asia Barat mengukuhkan kerjasama dan permuafakatan mereka untuk mewujudkan sinergi dalam melaksanakan dekad serantau melalui pertukaran maklumat, pengalaman dan kepakaran antara rantau, yang akan memberikan manfaat bersama kepada semua rantau di dunia.

Pemantauan dan Kajian Semula

ESCAP hendaklah mengadakan mesyuarat dua tahun sekali untuk mengkaji semula pencapaian dan mengenalpasti tindakan yang mungkin diperlukan untuk melaksanakan Rangka Kerja Milenium Biwako Untuk Tindakan. Di mesyuarat ini, wakil Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan tentang hal ehwal ketidakupayaan yang terdiri daripada Kementerian Agensi Kerajaan, NGO, Pertubuhan Bantu Diri dan media akan dijemput untuk membentangkan laporan bagi mengkaji semula kemajuan dalam pelaksanaan rangka kerja tersebut. Kajian semula pentengahan penggal Rangka Kerja Milenium Biwako Untuk Tindakan hendaklah dijalankan. Berdasarkan **kajian semula ini** sasaran dan pelan strategi bagi separuh penggal kedua Dekad mungkin diubahsuai dan sasaran serta pelan strategi baru dirangka.

Dana Amanah bagi Dekad

Latar Belakang

Pada 1992, berakhirnya tahun Dekad bagi Orang Kurang Upaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Suruhanjaya Ekonorni dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Asia dan Pasifik (ESCAP) mengisytiharkan tempoh 1993-2002 sebagai Dekad bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik. Tema Dekad Asia dan Pasifik adalah Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang bagi Orang Kurang Upaya.

Pada Disember 1992, ESCAP bersidang di Beijing dalam Mesyuarat untuk Melancarkan Dekad bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik, 1993 -2002. Mesyuarat tersebut merangka Agenda Tindakan untuk Dekad bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik (kemudian dan ini dirujuk sebagai Agenda Dekad bagi Tindakan). Dalam sesinya yang ke-49 pada April 1993. ESCAP menerima pakai Agenda Dekad bagi

Tindakan. ESCAP kemudiannya menubuhkan Dana untuk Dekad bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik, 1993-2002, dengan jaminan dan sumbangan daripada beberapa anggota ESCAP dan anggota sekutunya dalam menyokong aktiviti Dekad, seperti yang digariskan dalam Agenda Dekad bagi Tindakan. Dana tersebut telah dilanjutkan bagi tempoh Dekad Baru, 2003 -2012.

Tujuan Dana bagi Dekad

Dana diwujudkan untuk mengukuhkan usaha membina keupayaan orang kurang upaya bagi membolehkan mereka mencapai potensi untuk melibatkan diri dalam masyarakat. Dengan itu, mereka dapat membebaskan diri daripada kitaran kemiskinan yang dikaitkan dengan ketidakupayaan, dan untuk membantu memecahkan benteng sosial dan fizikal yang meminggirkan orang kurang upaya daripada arus perdana masyarakat.

Aktiviti yang Disokong

Dana bertujuan untuk rnenggalakkan kerjasama antara negara dan mempercepat pelaksanaan rancangan berkaitan dengan BMF di bawah dekad baru oleh Negara-negara membangun ESCAP dan wilayah-wilayahnya. Kerjasama dilakukan menerusi pertukaran teknikal, latihan dan penyebaran maklumat dengan rnenggunakan amalan terbaik dan khidmat nasihat pakar dan rantau ESCAP.

Penekanan akan diberikan dan aspek membina keupayaan dan memperkukuh kebolehan bagi:

- Melaksanakan sasaran Biwako di peringkat nasional dan setempat, dengan perhatian khas kepada penyertaan aktif Pertubuhan Bantu Din dan wanita kurang upaya;

- Menyelaraskan di peringkat nasional dan subnasional tindakan berkaitan dengan ketidakupayaan, tenitamanya tindakan dan kerjasama pelbagai sektor untuk melibatkan orang kurang upaya dalam program pembangunan utama, termasuklah pendidikan dan latihan, pembangunan bandar dan luar bandar, Konvensyen Antarabangsa, statistik ketidakupayaan, pekerjaan dan kctaksamaan gender;
- Menggalakkan penggunaan ICT dan akses kepada maklumat
- Menggalakkan persekitaran tanpa halangan dan perundangan yang saksama bagi orang kurang upaya.

Penderma

Australia; Brunei Darussalam; Kemboja; China; Hong Kong; India; Indonesia; Republik Korea; Singapura; Thailand; Kesatuan Sekerja Honda Motor; & Lain- Lain

Sumbangan Anda kepada Dana

Sumbangan anda kepada Dana amat dihargai. Mereka yang ingin menyumbang diminta menghubungi kami:

HUBUNGI.

Population and Social Integration Section

Emerging Social Issues Division

Tel : (662)288-1590

Faks : (662)288-1030

E-mel : escap-esid-phis@un.org

